


conference proceeding



Centre for Knowledge & Understanding of Tropical Architecture & Interior (KUTAI)
Organized by:
Centre for Islamic Thought & Understanding (CITU)
Faculty of Architecture, Planning & Surveying (FSPU)
Universiti Teknologi MARA (Perak)
<http://perak.uitm.edu.my/simpor9>



ASIMILASI BUDAYA MELAYU DALAM MASYARAKAT CINA PERANAKAN DI NEGERI KELANTAN: KAJIAN DI KAMPUNG PASIR PARIT, CHETOK, PASIR MAS, KELANTAN

**Mohd Zahirwan Halim Bin Zainal Abidin, Muhammad Yusri Bin Yusof @ Salleh,
Paiz Bin Hassan, Hamdi Rahman Bin Mohd Yaacob, Mazlah Bt Yaacob**

*Pusat Pemikiran Dan Kefahaman Islam, Universiti Teknologi MARA (Perak), Malaysia
mohdz560@perak.uitm.edu.my*

Abstrak

Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk sememangnya kaya dengan pelbagai budaya dan adat yang diamalkan oleh kaum-kaum tertentu. Hasil daripada interaksi yang positif antara mereka, maka sedikit sebanyak amalan dan budaya sesuatu kaum akan menyerap masuk dan diamalkan oleh kaum yang lain sebagai satu entiti dalam kehidupan mereka seharian. Lazimnya, budaya masyarakat majoriti lebih mudah mempengaruhi kehidupan masyarakat minoriti dalam konteks amalan, budaya, adat dan sensitiviti agama. Penulisan ini menumpukan kepada pengaruh budaya Melayu iaitu masyarakat majoriti di Malaysia kepada masyarakat cina iaitu kumpulan minoriti yang telah datang ke Malaysia sejak berabad lamanya. Kertas kerja ini akan membincangkan pengaruh budaya dan agama Islam kepada masyarakat cina di Kampung Pasir Parit, Pasir Mas, Kelantan meliputi cara hidup, budaya, seni bina, bahasa serta penghormatan mereka kepada agama Islam yang dianut oleh masyarakat Melayu disekeliling perkampungan mereka.

Kata kunci: Asimilasi, Budaya Melayu

1. Pengenalan

Penghijrahan imigran cina ke Malaysia (dahulu Tanah Melayu) telah berlaku sejak berkurun dahulu kerana Malaysia adalah sebuah negara yang kaya dengan sumber galian dan hasil mahsul yang berbagai kerana kesuburan tanahnya. Kesan daripada aspek ekonomi ini maka ia telah menjadi tumpuan berbagai bangsa termasuklah penjajah Barat untuk mengaut hasil kekayaan buminya. Masyarakat cina dikatakan memasuki Malaysia dengan ketara semasa zaman penjajahan British di Tanah Melayu untuk bekerja dan juga bermiaga. Namun demikian, ada juga pendapat para sejarawan yang mengatakan kedatangan mereka lebih awal daripada kedatangan British. Ini terserlah dengan wujudnya perkampungan masyarakat cina yang dikenali dengan nama Cina Peranakan di Melaka, Pulau Pinang, Kelantan dan Terengganu. Di Melaka, golongan ini lebih dikenali dengan gelaran Baba dan Nyonya manakala di Kelantan mereka juga dikenali dengan Cina Kampung.

Corak kehidupan mereka juga lebih menampakkan kemelayuan yang jelas ketara. Ini membuktikan mereka telah lama berada di Malaysia kerana cara kehidupan mereka sama sebagaimana orang Melayu yang menjadi masyarakat majoriti di Malaysia. Hasil daripada ketetapan kontrak sosial, maka mereka dapat hidup aman dan harmoni tanpa berlakunya pertelaghanan dan kekacauan yang menyebabkan berlakunya huru hara.

2. Kedatangan Masyarakat Cina ke Tanah Melayu / Malaysia

Kedatangan orang cina ke Malaysia adalah kesan daripada penghijrahan orang Cina yang akhirnya menjadi warganegara atau penduduk tetap di Malaysia. Kehadiran mereka dari China ke Malaysia adalah sekitar abad ke-15 hingga pertengahan abad ke-20 (Orang Cina Malaysia, n.d.). Orang-orang cina yang berhijrah kebanyakannya berasal dari bahagian tenggara, terutamanya dari wilayah Kwangtung, Fukien dan Kwangsi dan majoritinya berasal dari Kwangtung dan Fukien. Penghijrahan masyarakat cina ke beberapa kawasan di Asia Tenggara khususnya ke Malaysia adalah kerana tekanan penduduk yang ketara, kebuluran dan bencana alam seperti banjir besar dan kemarau. Malaysia yang mempunyai persamaan dari segi geografi dan iklim dengan bahagian tenggara China iaitu iklim tropika menggalakkan penghijrahan orang-orang cina ke Malaysia kerana mereka mudah untuk menyesuaikan diri dengan suasana tersebut (Victor Purcell 1997 hh: 1-7).

Mengikut pandangan pakar sejarah, penghijrahan masyarakat Cina ke Alam Melayu melalui tiga fasa iaitu fasa sebelum zaman kegemilangan Melayu Melaka diikuti dengan zaman Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka dan kemasukan secara besar-besaran dan bersistematik berlaku selepas pendudukan British di Pulau Pinang dan Singapura pada abad ke 18.

Fasa sebelum Kerajaan Melayu Melaka dapat dilihat dalam konteks ekonomi. Ini dapat dibuktikan apabila Tanah Melayu menjadi tumpuan perdagangan oleh pedagang Cina semenjak abad ke 7 lagi. Malah dikatakan sejak abad pertama lagi orang Cina telah datang ke Malaysia. Empayar Johor menjalankan hubungan perdagangan dengan negara China dan pedagang Cina telah menetap di Johor (Sejarah Kedatangan Imigran ke Malaysia, 2009).

Kemasukan komuniti Cina ke Tanah Melayu pada zaman Kesultanan Melayu Melaka lebih banyak dibicara dan dikaji oleh para sejarawan. Kedatangan orang cina ke Malaysia atau Tanah Melayu boleh dibincangkan berkisar kepada penempatan orang-orang cina selepas pembukaan Melaka yang diasaskan pada tahun 1400 (Victor Purcell 1997 h: 19). Kemunculan masyarakat Cina di Malaysia dalam golongan pertama adalah pada abad ke-15 dikatakan semasa Puteri Hang Li Poh dikahwinkan dengan Sultan Melaka. Mereka turut membawa bersama golongan bangsawan, pengikut-pengikut dan hamba dari Negara China.

Kebanyakkan mereka berbangsa Fujian. Mereka kemudian berkahwin dengan penduduk tempatan bagi membentuk masyarakat peranakan (Orang Cina Malaysia, n.d.). Di samping itu banyak bukti-bukti yang menunjukkan kemasukan komuniti Cina banyak didorong oleh faktor ekonomi. Lokasi Melaka yang strategik dan merupakan laluan di antara Timur dengan Barat membolehkan pedagang Cina datang dan singgah ke pelabuhan Melaka untuk memasarkan barang dagangan mereka seperti kain sutera, kain benang emas, tembikar, pinggan mangkuk dan sebagainya. Di samping itu, mereka turut mendapatkan bekalan buah-buahan, bijih timah, gincu, lada hitam, candu dan ubat akar kayu. Hubungan perniagaan yang luas ini membuatkan kehadiran kaum Cina ke Tanah Melayu ketika itu sangat konsisten dan berterusan (Masyarakat Imigran di Malaysia, 2008). Selain faktor ekonomi, kemasukan imigran cina juga dipengaruhi oleh faktor-faktor penolak yang mendorong mereka untuk meninggalkan negara masing-masing seperti perperangan, kebuluran dan lain-lain (Faktor-Faktor Kemunculan Masyarakat Majmuk, t.t). Pada era inilah proses asimilasi berlaku dan interaksi dengan penduduk peribumi tanah Melayu berlaku secara harmonis.

Kemasukan fasa ketiga berlaku apabila British menjajah Singapura, Pulau Pinang dan Melaka. Masyarakat Cina mula berkembang pada abad ke 19 dan ke 20. Berdasarkan catatan sejarah, pada tahun 1881 sahaja seramai 89,900 orang Cina telah tiba di Pulau Pinang dan Singapura. Di era inilah ramai imigran cina datang ke Tanah Melayu dan jumlah komposisi mereka dikatakan hampir menyamai jumlah penduduk Melayu. Kebanyakkan mereka adalah dari selatan China terutamanya dari daerah Fujian, Guangdong, Guangxi dan Hainan. Tumpuan utama mereka adalah bekerja di lombong-lombong bijih timah sebagai buruh lombong dengan sokongan British. Negeri-negeri yang banyak menerima kunjungan mereka adalah seperti Perak, Selangor dan negeri-negeri Selat (Orang Cina Malaysia, n.d.). Kekayaan sumber hasil yang belum dieksplotasi secara menyeluruh merupakan sebab utama mereka berhijrah ke Tanah Melayu. Penghijrahan mereka diatur oleh pihak British memandangkan hubungan baik British dengan China memudahkan British membawa masyarakat dari negara tersebut untuk kepentingan British di Tanah Melayu. Ini dapat dilihat apabila pihak British membuka kawasan perlombongan bijih timah secara besar-besaran yang mendorong kebanjiran secara besar-besaran orang Cina untuk menjalankan kerja-kerja melombong (Masyarakat Imigran di Malaysia, 2008).

2.1 Negeri Kelantan

Negeri Kelantan terletak diantara garisan lintang 4 darjah 32' dan 60 darjah 15' di utara dan garisan bujur 101 darjah 19' dan 102 darjah 37' di timur (De Moubray, G.A. De C. 1937 h : 1). Kelantan mempunyai keluasan 15,020 kilometer persegi sementara tanah berhutannya berkeluasan 8,942.7 kilometer persegi (*Bank Data Negeri/Daerah Malaysia 2003* (Januari 2004) h: 43) . Ia terletak di Timur Laut Semenanjung Malaysia dan bersempadan dengan negara Thai di utara, Perak di sebelah barat, Terengganu di sebelah timur dan Pahang di sebelah selatan (Mohamed Roslan Abdul Malek 1998 h: 5). Kelantan juga bersempadan dengan Laut China sepanjang 78.4 kilometer di sebelah utara dan juga rangkaian Laut China dan negeri Terengganu di sebelah timur (Mohd Zain Salleh 1985 h: 152).

Kelantan juga dikenali dengan nama negeri *Cik Siti Wan Kembang, Tanah Serendah Sekebun Bunga dan Serambi Mekah*. Ibu negerinya ialah Kota Bharu yang terletak kira-kira 10 km dari Kuala Sungai Kelantan (Mohd Zain Salleh (1987 h: 159) . Kota Bharu telah dibina pada tahun 1844M semasa pemerintahan Long Senik Mulut Merah yang bergelar Sultan Muhammad II (1837-1886 M), disebabkan kerosakan istana lamanya, iaitu Istana Kota Kebun Mesta, yang terletak diatas sebuah pulau iaitu Pulau Saba, di tebing Sungai Kelantan akibat banjir (S. Othman Kelantan 2002 h: 36).

Nama timangan Kelantan ialah "Darul Naim" dan ia telah dicadangkan oleh Hj. Wan Muhammad B. Ab. Samad, mufti kerajaan negeri pada waktu itu dalam *State Council* pada bulan Julai 1916 M dan telah mendapat persetujuan Sultan Muhammad IV dan terus digunakan sehingga ke hari ini (Ismail Awang 2001 h : 208).

Negeri Kelantan terdiri daripada 10 jajahan iaitu Kota Bharu, Pasir Mas, Pasir Puteh, Bachok, Machang, Tumpat, Tanah Merah, Kuala Krai, Ulu Kelantan dan Gua Musang (Mohd Roselan Ab.Malek 1993). Gua Musang adalah jajahan yang paling luas dengan keluasan 8,177 kilometer persegi manakala Tumpat adalah jajahan yang paling kecil iaitu berkeluasan 177 kilometer persegi. Manakala Kota Bharu pula berkeluasan 394 kilometer persegi, Pasir Mas 569 kilometer persegi, Pasir Puteh 424 kilometer persegi, Machang 525 kilometer persegi, Tanah Merah 880 kilometer persegi, Jeli 1,318 kilometer persegi dan Kuala Krai 2,277 kilometer persegi (*Buku Tahunan Perangkaan Malaysia 2003 h : 3*). Ia juga mempunyai 63 buah daerah dan setiap jajahan di ketuai oleh Ketua Jajahan manakala di setiap daerah di ketuai oleh seorang penggawa (Ab. Razak Mahmud 1997 h: 1).

2.2 Kedatangan Orang Cina Ke Kelantan

Negara China mempunyai hubungan sejarah yang panjang dengan Asia Tenggara dalam konteks perdagangan. Dengan jalinan ini, maka hubungan mereka dengan masyarakat tempatan telah memperlihatkan keturunan-keturunan Cina zaman awal terpengaruh dengan cara hidup masyarakat tempatan. Masyarakat Cina tempatan iaitu masyarakat pendatang Cina yang menggunakan dialek Melayu dalam komunikasi sehari-hari dan memakai pakaian sebagaimana orang Melayu dikenali dengan Cina Peranakan. Kebudayaan masyarakat Cina iaitu penduduk kedua terbesar di Malaysia telah bercampur atau berasimilasi dengan tradisi dan budaya masyarakat Melayu (Tan Chee Beng, 1993 h: ix).

Penghijrahan masyarakat cina ke Asia Tenggara telah mewujudkan komuniti masyarakat cina di sini. Kebanyakan orang cina memasuki Tanah Melayu seawal kurun ke 18 lagi dan akhir kurun ke 19. Kelantan adalah negeri terawal menjadi pusat perdagangan orang-orang cina selain daripada pusat perdagangan lain yang penting pada zaman lampau seperti di Selatan Thailand iaitu daerah Nakhon Sri Thammarat, Patani dan Songkhla (Robert L. Winzeler : 1985). Pelabuhan-pelabuhan ini adalah antara yang tertua di Asia Tenggara. Kawasan-kawasan di Thailand ini adalah kawasan yang awal dapat dikesan bagi para pedagang cina dan pedagang-pedagang asing lain serta terbinanya kawasan penempatan cina. Dengan demikian, maka dengan adanya jalan darat yang menghubungkan dengan Tanah Melayu, mereka telah mula melibatkan diri untuk menjana sumber ekonomi dengan mengusahakan galian, rotan dan hasil-hasil hutan yang lain. Rantau Asia Tenggara sememangnya terkenal dengan hasil bumi seperti emas dan bijih timah yang menyebabkan penglibatan orang-orang cina dalam sektor perlombongan sumber ini di negeri Kelantan dan kawasan-kawasan yang berhampiran dengan Patani (Robert L. Winzeler , 1985 h : 15).

Dengan ini, orang-orang cina telah menetap di Kelantan sejak sekian lama sebagaimana ramainya komuniti masyarakat cina yang berada di selatan dan utara Thailand. Oleh itu, populasi masyarakat cina di Kelantan adalah sama sebagaimana masyarakat cina yang menetap di Selatan Thailand yang memperlihatkan majoritinya adalah berbangsa Hokkien. Orang Hokkien atau dikenali juga dengan Hakka yang kebanyakannya menetap di pedalaman negeri Kelantan dikenali sebagai pelombong emas. Perlombongan emas di negeri Kelantan berpusat di Pulai, hulu Kelantan yang memperlihatkan pada awal abad ke 19 ramai orang-orang cina telah tertumpu ke kawasan tersebut (Robert L. Winzeler, 1985 hh : 15-16).

Keadaan ini berbeza dengan orang-orang cina yang berada di hilir Kelantan. Mereka yang menetap di hilir Kelantan ini juga berbangsa Hokkien dan bekerja sebagai peniaga dan petani mempunyai hubungan yang erat dengan orang Melayu. Ini menyebabkan cara kehidupan mereka tidak jauh bezanya dengan orang Melayu (Robert L. Winzeler, 1985 h : 16). Menurut W.A. Graham, bangsa Hokkien ini telah lama mendiami negeri Kelantan dan merupakan bangsa majoriti masyarakat cina di Kelantan dan hidup bersama masyarakat Melayu. Namun demikian, terdapat juga masyarakat cina Singapura dan bangsa Hailam yang datang ke Kelantan dan mereka bekerja sebagai peniaga dan buruh (W.A. Graham 1908 h: 20). Masyarakat Hokkien di Kelantan banyak terpengaruh dengan budaya masyarakat Melayu dan Thai yang memperlihatkan ramai daripada kalangan mereka dapat bertutur dalam bahasa Thai (Tan Chee Beng, 1993 hh : 1-2).

Daripada temubual yang dijalankan, dikatakan nenek moyang orang-orang cina Peranakan yang menetap di Kelantan masuk ke Kelantan melalui perahu menyusuri Sungai Kelantan sehingga ke Pulai, Gua Musang. Mereka yang datang dari China telah bermastatin di sepanjang tepi Sungai Kelantan sehingga ke Pulai. Perkara ini dapat diperhatikan apabila terdapat banyak perkampungan orang cina Peranakan di sepanjang susur Sungai Kelantan. Contohnya di daerah Pasir Mas, terdapat perkampungan cina peranakan di Tendong, Kasar, Lemal, Kangkong, Semuba dan Pasir Parit (Temubual bersama Owi Boon Teck, 55, penduduk Kg. Pasir Parit pada 4 Februari 2011 pada jam 12 tengahari).

Ada pendapat yang mengatakan bahawa generasi pertama orang cina yang datang ke Tanah Melayu adalah di Kelantan dan bukannya dari Melaka. Ini kerana terdapat sebuah patung lama Ma Chor Bew di tokong Sui Yek Khong di Pulai, Gua Musang. Patung ini dikatakan berasal dari zaman Dinasti Ming yang memerintah China di antara tahun 1368 sehingga 1644. Di Kelantan terdapat 24 tokong dan tokong tertua berusia lebih kurang 600 tahun berada di Kampung Pulai, Gua Musang manakala tokong berusia 300 tahun berada di Kampung Tokong, Kemubu (Temubual bersama Lee Boon Heng, 67, pada penduduk Kg. Pasir Parit pada 4 Februari 2011 pada jam 10 pagi). Ini menjadi bukti bahawa kemasukan masyarakat Cina ke Alam Melayu sebenarnya bermula di Kelantan dan bukan di Melaka (Noor Hammad Wariman, 2006).

Orang-orang cina di Kelantan terbahagi kepada dua golongan iaitu cina Bandar dan cina kampung. Ini kerana cina kampung tinggal di kampung-kampung manakala cina Bandar pula tinggal di bandar-bandar (Robert L. Winzeler, 1985 h : 14). Di Kelantan, ada 47 kampung tradisional yang sejak dulu didiami masyarakat berketurunan Cina dan dikatakan penempatan itu bermula sejak 600 tahun dulu dengan kebanyakannya terletak di tebing sungai dari Kota Bharu hingga ke Gua Musang dalam jarak lebih kurang 180 kilometer. Mengikut rekod Persatuan Peranakan Cina Kelantan, ada hampir 16,000 Cina Peranakan di Kelantan dengan hanya hampir 2,000 daripadanya sudah berhijrah dan menetap di bandar, manakala sebahagian besarnya masih kekal di kampung (Azrul Affandi Sobry, 2011).

2.3 Daerah Pasir Mas

Daerah Pasir Mas adalah bersempadan dengan Kota Bharu di sebelah timur dan Tumpat di sebelah utara. Ia juga bersempadan dengan negara Thailand di sebelah barat dan di sebelah selatan bersempadan dengan Tanah Merah. Sebelum Jajahan Pasir Mas diwujudkan, ia merupakan sebahagian daripada Jajahan Kota Bharu. Namun, selepas persetujuan bersama dicapai, Jajahan Pasir Mas telah dipisahkan pada tahun 1918 dan menjalani pentadbiran sendiri di bawah Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Mas (http://ms.wikipedia.org/wiki/Jajahan_Pasir_Mas).

Jajahan Pasir Mas adalah meliputi kawasan seluas 577.52 km persegi. Seluas 139 km persegi berada di bawah kawasan tadbir Majlis Daerah Pasir Mas manakala seluas 438.52 km persegi berada di bawah pentadbiran Pengguna Tempatan. Keluasan Pasir Mas adalah hampir 85 % merupakan kawasan tanah rata manakala 15 % lagi adalah tanah rendah dan berpaya. Hampir keseluruhan jajahan Pasir Mas telah diterokai dan di diam oleh para penduduk. Kebanyakkhan tanah di sini adalah tanah pertanian yang ditanam dengan padi, getah, dusun buah-buahan, penanaman sayur-sayuran dan lain-lain. (<http://ptjpm.kelantan.gov.my>)

Jajahan Pasir Mas terdiri daripada 10 daerah, 48 Mukim Tanah dan 83 Mukim Penghulu. Keluasan mengikut daerah adalah sebagaimana dalam jadual 1, yang menerangkan pecahan keluasan mengikut daerah dan mukim-mukim yang terdapat di dalam Jajahan Pasir Mas (Lihat Jadual 1).

BIL	DAERAH PENGGAWA	BIL. MUKIM TANAH	BIL. MUKIM PENGHULU	LUAS (k.p.m)	%KELUASAN
1.	Alor Pasir	4	6	38.56	6.68
2.	Kubang Gadong	8	13	55.86	9.67
3.	Rantau Panjang	4	6	93.37	16.16
4.	Gual Periok	3	9	118.74	20.56
5.	Kangkong	5	10	108.80	18.84
6.	Chetok	3	6	45.79	7.93
7.	Bunut Susu	9	11	38.43	6.65
8.	Kubang Sepat	5	9	21.71	3.76
9.	Pasir Mas	3	7	23.71	4.11
10.	Kuala Lemal	4	6	32.55	5.64

Jadual 1 : Pecahan Keluasan Mengikut Daerah Dan Mukim-Mukim Jajahan Pasir Mas (Sumber: <http://ptjpm.kelantan.gov.my>)

Berdasarkan laporan bincian pada tahun 2007, jumlah penduduk di Jajahan Pasir Mas adalah seramai 197,100. Jajahan Pasir Mas adalah jajahan kedua yang mempunyai penduduk paling ramai selepas Jajahan Kota Bharu.

2.4 Latarbelakang Kg. Pasir Parit, Chetok, Pasir Mas, Kelantan

Kampung Pasir Parit terletak di daerah Chetok dalam kawasan jajahan Pasir Mas, Kelantan. Ia berada di pertengahan Jalan Pasir Mas-Tanah Merah serta berhampiran dengan sempadan jajahan Pasir Mas dan Tanah Merah iaitu Bukit Panau. Kampung ini terletak dikelilingi perkampungan orang-orang Melayu seperti Kg. Chekok, Kg. Galok, Kg. Jabo, Kg. Bechah Kelubi dan Kg. Kubang Gendang. Kampung ini mempunyai dua orang penghulu yang mewakili dua parti yang berbeza iaitu penghulu Barisan Nasional dan PAS.

Kampung ini juga teletak di sepanjang susur tebing Sungai Kelantan dan penduduknya adalah masyarakat Cina Peranakan atau dikenali oleh masyarakat Melayu setempat sebagai Cina Kampung. Kebanyakan penduduknya adalah masyarakat cina keturunan Hokkien. Majoriti penduduknya bekerja sebagai petani dan sebahagiannya adalah peniaga yang menjalankan perniagaan runcit, peralatan pembinaan dan mekanik.

Suasana kampung ini seakan-akan kampung Melayu. Ianya mempunyai banyak dusun buah-buahan dan diusahakan juga kawasan tanaman sayur-sayuran terutamanya di kawasan tebing sungai. Kampung ini juga mempunyai sebuah rumah ibadat atau tokong untuk upacara keagamaan orang cina yang dikenali sebagai “gedung” oleh masyarakat Melayu. Masyarakat cina di sini juga mempunyai hubungan yang baik dan erat dengan masyarakat Melayu disekelilingnya.

3. Asimilasi Budaya Melayu Dalam Masyarakat Cina Peranakan Di Kg. Pasir Parit, Chetok, Pasir Mas, Kelantan

3.1 Bahasa dan Tulisan

Masyarakat Cina Peranakan di Kg. Pasir Parit menggunakan bahasa Melayu dialek Kelantan sebagai bahasa utama mereka. Mereka menggunakan Bahasa Melayu dialek Kelantan dalam pergaulan sehari-hari sehingga ada sebilangan generasi muda masyarakat ini tidak mahir bahasa ibunda mereka. Asimilasi ini terhasil kerana perhubungan erat masyarakat Cina Peranakan dengan masyarakat setempat. Keunikan ini adalah antara ciri utama yang membezakan masyarakat Cina Peranakan dengan masyarakat Cina yang lain di Semenanjung Malaysia. Ketika ditanya berkaitan maksud bagi tulisan cina yang terdapat di dinding-dinding kuil dan rumah mereka, responden menyatakan bahawa mereka tidak memahaminya dan hanya mengupah penulis sebagai satu simbolik kepada masyarakat Cina (Temubual bersama Owi Chu Eng, 79, penduduk Kg. Pasir Parit pada 4 Februari 2011 pada jam 12 tengahari).

Menurut responden yang ditemubual, kebanyakan generasi tua masyarakat Cina Peranakan di Kelantan mampu menguasai tulisan jawi daripada sudut penulisan mahupun pembacaan. Generasi tua ini mampu membaca akhbar-akhbar jawi seperti Utusan Melayu dan Pengasuh yang diterbitkan oleh Majlis Agama Islam Kelantan. Tulisan jawi ini juga seolah sebat dengan jiwa masyarakat ini apabila dapat dilihat tulisan jawi digunakan dikebanyakannya papan tanda perniagaan di daerah Pasir Mas khususnya dan di Kelantan umumnya. Namun begitu, penguasaan dalam aspek jawi di kalangan generasi muda Cina Peranakan agak berkurangan dengan hanya sebilangan kecil sahaja yang mampu menguasai tulisan ini dengan baik. Ini mungkin disebabkan penggunaan tulisan rumi lebih meluas berbanding tulisan jawi (Temubual bersama Owi Chu Eng, 79, penduduk Kg. Pasir Parit pada 4 Februari 2011 pada jam 12 tengahari).

Disamping itu, mereka juga dapat berbahasa Siam dan Hokkien disamping berbahasa Melayu. Generasi terdahulu kebanyakannya menggunakan bahasa Siam dalam pertuturan namun kini mereka menggunakan tiga bahasa iaitu bahasa Melayu Kelantan, Hokkien dan Siam (Temubual bersama Owi Boon Teck, 55, penduduk Kg. Pasir Parit pada 4 Februari 2011 pada jam 12 tengahari).

3.2 Pakaian

Masyarakat Cina Peranakan juga menerima budaya Melayu daripada sudut pakaian. Menurut responden yang ditemubual, Masyarakat Cina Peranakan berpakaian seperti mana pakaian masyarakat Melayu terutamanya pakaian ketika bekerja dan di rumah contohnya memakai kain sarung bagi lelaki dan berkemban bagi wanita. Golongan wanita juga akan menutup kepala mereka dengan kain apabila bertandang ke rumah jiran-jiran. Golongan lelaki masyarakat ini pada satu masa dulu diceritakan memakai semutari dan kain batik ketika bekerja di ladang atau ketika

keluar untuk menangkap ikan seperti mana masyarakat Melayu Kelantan yang lain. Pakaian seperti ini masih lagi dipakai oleh golongan tua Masyarakat Cina Peranakan ini. Begitu juga masyarakat wanita mereka yang dilihat memakai kain batik semasa melakukan kerja di rumah mereka. Namun, generasi muda Cina Peranakan pada masa kini dilihat tidak lagi memakai pakaian seperti ini mungkin disebabkan faktor perubahan masa seperti juga yang terjadi kepada generasi muda Melayu Kelantan (Temubual bersama Owi Chu Eng, 79, penduduk Kg. Pasir Parit pada 4 Februari 2011 pada jam 12 tengahari).

3.3 Makanan

Daripada temubual yang dijalankan, masyarakat Cina Peranakan juga menerima budaya Melayu dalam aspek pemakanan. Mereka menjadikan masakan Melayu Kelantan sebagai makanan harian mereka. Mereka mahir menyediakan hidangan masakan Melayu, sehinggakan pada zaman dahulu, jiran-jiran mereka yang terdiri dari orang-orang Melayu kerap kali bersarapan, makan tengahari, malam atau berbuka puasa di rumah mereka. Mereka juga sering kunjung mengunjung dan menikmati juadah dalam setiap perayaan sama ada perayaan yang disambut oleh orang Melayu atau Cina Peranakan. Antara masakan Melayu Kelantan yang menjadi pilihan masyarakat ini ialah gulai ayam, itik dan ikan, daging goreng, nasi kerabu dan ikan singgang. Budu juga yang sangat sinonim sebagai pembuka selera bagi masyarakat Melayu Kelantan turut menjadi pilihan masyarakat Cina Peranakan. Menurut responden, masyarakat ini juga tidak menggunakan penyeprit makanan (*chop stick*) ketika makan, bahkan mereka menggunakan tangan seperti mana yang diperaktikkan oleh orang Melayu. Mereka juga akan meminta orang Melayu memasak makanan sekiranya diadakan kenduri (Temubual bersama Lee Boon Heng, 67, pada penduduk Kg. Pasir Parit pada 4 Februari 2011 pada jam 10 pagi).

3.4 Senibina

Masyarakat Cina Peranakan juga menggunakan konsep rumah yang hampir dengan senibina Melayu. Antara ciri asas kepada senibina rumah cina peranakan ialah mempunyai anjung dan mempunyai atap melengkung. Menurut responden antara ciri yang membezakan antara rumah cina peranakan dengan rumah orang Melayu hanyalah bentuk atap yang sedikit melengkung. Ciri-ciri lain semuanya menyamai rekabentuk rumah melayu. Persamaan dapat dilihat daripada kedua-dua rumah ini ialah pada anjung. Pada zaman dahulu, masyarakat Melayu menjadikan anjung sebagai tempat untuk menyambut tetamu yang tidak dikenali berehat seketika sebelum membawa tetamu masuk ke dalam rumah. Apabila ditanya kepada responden, perkara yang sama juga dilakukan dalam budaya masyarakat Cina Peranakan. Budaya ini masih kekal sehingga sekarang. Selain daripada itu, corak susunan kayu dan buluh pada dinding rumah-rumah lama Cina Peranakan juga mirip rumah-rumah Melayu Lama. Menurut responden, rumah-rumah Cina Peranakan zaman dahulu menggunakan tukang kayu dan rumah yang terdiri daripada orang-orang Melayu dan selalunya dijalankan secara gotong royong bersama masyarakat setempat. Binaannya juga tidak menggunakan paku (Temubual bersama Lee Boon Heng, 67, pada penduduk Kg. Pasir Parit pada 4 Februari 2011 pada jam 10 pagi).

3.5 Pertanian

Kegiatan pertanian masyarakat Cina Peranakan di kampung Pasir Parit ialah menanam padi, tembakau, sayur dan mengusahakan kebun buah-buahan seperti menanam duku dan durian. Di satu rumah Cina peranakan di kampung Pasir Parit, masih terdapat jelapang padi (dialek Kelantan dipanggil baloh padi) yang digunakan bagi menyimpan padi zaman dahulu. Menurut responden, pada zaman dahulu setiap rumah Cina Peranakan di kawasan ini mempunyai jelapang padi kerana kebanyakannya daripada mereka adalah pesawah. Selain itu, terdapat peralatan-peralatan membajak sawah, buaian, kerusi yang diperbuat daripada kayu yang diletakkan di bawah pokok yang rimbun semuanya adalah sama dengan peralatan harian yang digunakan oleh masyarakat Melayu Kelantan. Dalam pada itu, di sebuah rumah yang dilawati, terdapat juga pokok sirih yang lebih sinonim dengan dunia perubatan Melayu. Responden menyatakan bahawa masyarakat Cina Peranakan juga menggunakan sireh untuk tujuan perubatan seperti yang diperaktikkan oleh masyarakat Melayu Kelantan (Owi Boon Teck, 55, penduduk Kg. Pasir Parit pada 4 Februari 2011 pada jam 12 tengahari).

3.6 Hobi, Permainan dan Kegiatan Masa Lapang

Masyarakat Cina Peranakan juga mempraktikkan hiburan yang sama dengan masyarakat Melayu Kelantan. Antaranya ialah mereka meminati wayang kulit. Di Kampung ini mempunyai pentas khusus untuk wayang kulit

khusus untuk masyarakat setempat. Bagi masyarakat Kelantan, nama Eyo Hock Seng bukan sesuatu yang asing. Beliau adalah antara tok dalang wayang kulit yang hebat yang berasal daripada Kampung Pasir Parit yang berketurunan Cina Peranakan. Istana Budaya telah mengiktiraf ketokohnanya dengan meletakkan biodatanya dalam Portal Rasmi Istana Budaya(Istana Budaya, 2011).

Eyo Hock Seng atau lebih dikenali di kalangan masyarakat tempatan sebagai Pak Chu atau Tok Dalang. Dilahirkan pada 3 Mei 1955 dan mula bermain wayang kulit sejak tahun 1979 lagi. Pada asalnya beliau menjadi pengikut atau murid kepada Dalang Dollah Baju Merah dan Dalang Mamat Epong Bukit Panau. Kerana meminati teknik dan gaya perdalangan Dollah Baju Merah, Eyo Hock Seng akhirnya memperlimaukan diri sebagai murid kepada dalang terkenal tersebut. Dalam persesembahan wayang kulitnya, Eyo Hock Seng memiliki 12 buah cerita yang selalu dipersembahkan. Antaranya Sejarah Seri Rama, Sejarah Raden Lakjuna, Cerita Hanuman Lima, Cerita Hanuman Tenggiling, Hanuman Kebatu, Bayang Gerna, Perbu Anum dan Canang Kelenang.

Selain daripada Wayang Kulit, mereka juga mempraktikkan hobi dan kegiatan masa lapang sama seperti masyarakat Melayu seperti bermain wau, gasing, sepak raga, laga ayam, memelihara burung (khususnya burung tekukur dan merbuk) dan menggemari dikir barat. Keunikan masyarakat Cina Peranakan ini memudahkan mereka bergaul dengan masyarakat sekeliling yang majoritinya orang Melayu. Menurut responden, Kesemua kegiatan masa lapang ini dimainkan bersama-sama dengan orang melayu tanpa ada sebarang prejedis dan halangan (Owi Boon Teck, 55, penduduk Kg. Pasir Parit pada 4 Februari 2011 pada jam 12 tengahari).

4. Pengaruh Dan Sensitiviti Masyarakat Cina Peranakan Terhadap Agama Islam

4.1 Amalan Orang Islam

Masyarakat Cina Peranakan hidup dalam lingkungan masyarakat Melayu yang beragama Islam. Daripada kajian yang dilakukan, mereka amat menghormati amalan penduduk Melayu yang beragama Islam. Apabila mereka meraikan perayaan besar orang Cina seperti Tahun Baru Cina, mereka akan menyediakan minuman dalam kotak dan juga limau mandarin untuk diberikan kepada tetamu Melayu. Mereka juga mengetahui waktu solat orang Islam dan dapat menyebut waktu-waktu seperti solat Zohor, Asar dan Maghrib serta solat Jumaat pada hari Jumaat. Sekiranya mereka bersukan dengan orang Melayu seperti bermain bola sepak, mereka akan segera berhenti sekiranya azan maghrib berkumandang.

Mereka juga menghormati bulan Ramadhan iaitu bulan puasa bagi orang Islam dengan tidak makan secara terbuka yang boleh menimbulkan perasaan kurang senang masyarakat Melayu. Daripada temubual yang dijalankan, mereka pernah berbuka puasa dan mengadakan majlis berbuka puasa dengan menjemput masyarakat Melayu ke rumah mereka sendiri pada bulan Ramadhan. Dalam aspek pemakanan pula, mereka mengetahui halal haram bagi orang Melayu contohnya minuman yang boleh diminum oleh orang Melayu dan juga sebaliknya (Temubual bersama Koh Boon Wan, 78 , dan Mek Eng, 74, penduduk Kg. Pasir Parit pada 4 Februari 2011 pada jam 1 tengahari). Mereka juga menghormati perayaan masyarakat Islam seperti Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha dengan melakukan kunjungan ke rumah-rumah jiran mereka dan rakan-rakan yang beragama Islam. Daripada temubual yang dilakukan, mereka mengibaratkan orang Melayu seperti adik beradik mereka sendiri dan melayan orang Melayu dengan baik ibarat makan sekali dan tidur sebantai (Temubual bersama Owi Boon Teck, 55, penduduk Kg. Pasir Parit pada 4 Februari 2011 pada jam 12 tengahari).

Sekiranya mereka mengadakan kenduri, mereka akan memanggil masyarakat Melayu untuk masuk ke kampung mereka untuk menghadiri kenduri tersebut. Mereka akan menyediakan makanan yang halal malahan haiwan yang dijadikan lauk kenduri seperti lembu dan ayam disembelih oleh orang Islam yang berada di sekitar kampung tersebut. (Temubual bersama Owi Chu Eng, 79, penduduk Kg. Pasir Parit pada 4 Februari 2011 pada jam 12 tengahari).

Bagi mereka yang bermiaga, mereka tidak menjual barang yang haram seperti arak dan daging babi di kedai-kedai runcit. Mereka mengetahui sekiranya seseorang Melayu yang beragama Islam ingin ke masjid tapi membeli sesuatu di kedai mereka, sekiranya penjual terdiri daripada isteri atau anak perempuan, mereka akan meletakkan duit baki di atas meja sekiranya pembeli itu lelaki tanpa memberi terus sehingga tersentuh tapak tangan yang boleh membatalkan wuduk.

4.2 Hiburan Masyarakat Cina Peranakan

Masyarakat Cina Peranakan ini mempunyai budaya yang tersendiri termasuk juga dalam konteks hiburan. Lazimnya dalam setahun, mereka akan mengadakan persembahan “ Menora / Opera Cina ” atau “ Mak Yong Cina ” serta wayang kulit berhadapan dengan kuil ibadat mereka di kampung tersebut yang dikenali dengan nama “ Gedung

“ oleh masyarakat Melayu di sekitarnya. Terdapat pentas khas di hadapan kuil tersebut yang digunakan untuk pertunjukan kebudayaan cina yang diwarisi secara turun temurun yang tidak sesuai untuk ditonton oleh masyarakat Melayu Islam. Daripada tinjauan yang dilakukan, terdapat papan tanda yang diletakkan di pentas tersebut yang menyebut “ *Perayaan Ini Untuk Orang Bukan Islam Sahaja* ”. Ini menunjukkan tahap sensitiviti mereka kepada agama Islam sangat tinggi dan mereka memahami apa yang boleh dan dilarang dalam amalan agama Islam. Namun begitu, terdapat juga sebilangan masyarakat Melayu yang tidak menghiraukan perkara tersebut dengan pergi juga menonton persembahan kebudayaan tersebut.

4.3 Pengaruh Islam Dalam Kehidupan Masyarakat Cina Peranakan

Masyarakat Cina telah terpengaruh dengan amalan orang Islam dalam beberapa perkara. Contohnya masyarakat Melayu akan mengadakan solat hajat sekiranya mereka mendiami rumah baru (Orang Kelantan mengistihakkannya dengan “ naik rumah ”) ataupun membuka sesuatu perniagaan untuk mendapat keberkatan dan perlindungan Allah daripada segala musibah dan kesulitan. Menurut Owi Boon Teck, masyarakat Cina Peranakan juga akan memanggil orang Melayu untuk melakukan sembahyang hajat sekiranya mereka mahu membuka gudang perniagaan (Temubual bersama Owi Boon Teck, 55, penduduk Kg. Pasir Parit pada 4 Februari 2011 pada jam 12 tengahari). Hal ini kerana terdapat ramai masyarakat Cina Peranakan di kampung tersebut terlibat dalam bidang perniagaan dan membuka gudang-gudang perniagaan yang besar terutamanya dalam bidang perniagaan kelengkapan binaan (hardware).

Disamping itu juga, Owi Chu Eng juga boleh menulis dan membaca tulisan Jawi serta membaca tulisan al-Quran (Temubual bersama Owi Chu Eng, 79, penduduk Kg. Pasir Parit pada 4 Februari 2011 pada jam 12 tengahari). Perkara ini tidak mustahil kerana tulisan Jawi berasal daripada tulisan Arab yang juga huruf-huruf al-Quran. Tetapi kemahiran ini semakin terhakis kepada golongan muda mereka pada hari ini. Menurutnya lagi, mendiang bapanya adalah seorang bomoh dan yang uniknya, sebelum mantera dibaca, ayahnya akan memulakan jampi dengan membaca perkataan “ *Basmalah* ”. Perkara ini lazimnya diamalkan oleh bomoh ataupun pawang Melayu dalam tradisi perubatan mereka kerana pengaruh Islam telah meresap masuk dalam ilmu perubatan Melayu.

Terdapat juga sesetengah anggota masyarakat Cina Peranakan berkomunikasi serta mengamalkan perkataan-perkataan yang digunakan oleh masyarakat Melayu Islam. Ada sesetengahnya memberikan salam semasa berjumpa atau berkunjung ke rumah jiran-jiran Melayu dan menggunakan lafaz “ *Allahu Akbar* ” dalam percakapan mereka. Ini adalah kesan daripada pengaruh masyarakat Melayu yang bergaul dan hidup bersama mereka sehari-hari. Tetapi ia banyak diamalkan dikalangan masyarakat warga emas sahaja dan tidak lagi pada golongan muda pada hari ini.

Selain daripada itu, terdapat nama samaran seolah-olah nama orang Islam yang digunakan untuk memanggil orang-orang Cina Peranakan. Antara nama yang digunakan ialah Mamat dan Awang. Nama –nama ini digunakan bukan sahaja oleh orang-orang Melayu tetapi digunakan dikalangan masyarakat Cina Peranakan Kelantan sendiri (Temubual bersama Owi Boon Teck, 55, penduduk Kg. Pasir Parit pada 4 Februari 2011 pada jam 12 tengahari)

KESIMPULAN

Daripada kajian yang dijalankan, ternyata masyarakat cina yang datang ke Tanah Melayu terutamanya di negeri Kelantan telah mengalami interaksi yang positif dengan masyarakat Melayu sehingga pengaruh budaya Melayu meresap ke dalam kehidupan mereka sehari-hari. Ini dapat diperhatikan daripada amalan mereka yang mengamalkan cara kehidupan orang Melayu dalam pelbagai konteks antaranya komunikasi, pakaian, ekonomi serta budaya.

Mereka juga dapat hidup harmoni dalam lingkungan masyarakat Melayu dan tidak didiskriminasi dalam konteks hubungan antara etnik yang berbeza keturunan dan agama. Mereka juga dapat bertoleransi dan menjaga sensitiviti beragama terhadap orang Melayu-Islam yang menjadi jiran kepada mereka.

Daripada kajian ini juga maka didapati kehidupan mereka adalah kehidupan cara Melayu sepenuhnya namun yang berbeza dengan orang Melayu adalah agama dan kepercayaan. Bagi warga emas, mereka masih lagi memelihara entiti nenek moyang mereka yang hidup cara Melayu sepenuhnya namun generasi muda kini telah berubah dan tidak lagi mengamalkan cara kehidupan warisan ini. Mereka hanya mengamalkan sebahagian sahaja cara hidup sebagaimana ibu dan bapa mereka. Ini disebabkan mereka lebih selesa menjalankan kehidupan menurut cara moden bukan lagi tradisional.

Justeru itu, diharapkan warisan masyarakat Cina Peranakan ini akan terus terpelihara tambahan pula dengan penubuhan Persatuan Cina Peranakan Kelantan yang bergiat aktif dalam memastikan budaya dan cara hidup mereka berkekalan dan tidak hilang kerana peredaran dan perubahan masa.

RUJUKAN

Buku

Ab. Razak Mahmud (1997), *Pelajaran Tatarakyat Negeri Kelantan(1)*, Kota Bharu: Sofi's Friend & Book Dealer.

De Moubray, G.A. De C. (1937), *Annual Report On The Social And Economic Progress Of The People Of Kelantan For The Year 1936*, Cheong Fatt Press.

Bank Data Negeri/Daerah Malaysia 2003 (Januari 2004), Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Buku Tahunan Perangkaan Malaysia 2003, (2003), Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Ismail Awang (2001), "Mufti Hj.Wan Muhammad (1870-1920M)", *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung (1)*, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

Mohamed Roslan Abdul Malek (1998), *Kesan Sejarah Dan Tempat-Tempat Menarik Negeri Kelantan Darul Naim*, Petaling Jaya: Oscar Book International.

Mohd Roselan Ab.Malek (1993), *Salasilah Nama Tempat Negeri Kelantan Darul Naim*, Petaling Jaya: Penerbit Prisma Sdn.Bhd.

Mohd Zain Salleh (1985), *Negeri Kelantan Selayang Pandang: Fokus Negeri Kelantan*, Kota Bharu: Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan (April 1985).

Mohd Zain Salleh (1987), *Keluarga Di raja Kelantan Darul Naim*, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Istana Jahar.

Tan Chee Beng (1993), *Chinese Peranakan Heritage In Malaysia and Singapore*. KL : Penerbit Fajar Bakti.

Robert L. Winzeler (1985), *Ethnic Relations in Kelantan*. Singapore : Oxford University Press.

S. Othman Kelantan (2002), "Kota Bharu Kota Budaya", *Dewan Budaya* (April 2002), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Victor Purcell (terjemahan Nik Hasnaa Nik Mahmood) (1997), *Orang-Orang Cina di Tanah Melayu*. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.

W.A. Graham (1908), *Kelantan : A State of the Malay Peninsula*. Glasgow : James Maclehose and Sons.

Laman Web

Istana Budaya (2011), retrieved on 1 November 2011 from <http://www.istanabudaya.gov.my/web/guest/wkk>.

http://ms.wikipedia.org/wiki/Jajahan_Pasir_Mas retrieved on 15 November 2011.

<http://ptjpm.kelantan.gov.my> retrieved on 15 November 2011.

Noor Hammad Wariman (2006). Cina Peranakan Kelantan Kian Pupus Dek Arus Pemodenan, diambil pada 6/11/2011 daripada http://www.bernama.com/bernama/state_news/bm/news.

Azrul Affandi Sobry (2011), Misteri Etnik: 'Ambo Cino Kelate', Berita Harian pada 4/10/2011.

Temubual

Owi Boon Teck, 55, penduduk Kg. Pasir Parit pada 4 Februari 2011 pada jam 12 tengahari.

Owi Chu Eng, 79, penduduk Kg. Pasir Parit pada 4 Februari 2011 pada jam 12 tengahari.

Koh Boon Wan, 78 , dan Mek Eng, 74, penduduk Kg. Pasir Parit pada 4 Februari 2011 pada jam 1 tengahari.

Lee Boon Heng, 67, pada penduduk Kg. Pasir Parit pada 4 Februari 2011 pada jam 10 pagi.